



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWK M pada 30 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p><b>Penyertaan Wanita Sebagai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Meningkatkan Ketara – Nancy</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1317431/penyertaan-wanita-sebagai-ahli-lembaga-pengarah-syarikat-meningkat">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1317431/penyertaan-wanita-sebagai-ahli-lembaga-pengarah-syarikat-meningkat</a></p> <p><a href="https://bernama.com/en/general/news.php?id=2357617">https://bernama.com/en/general/news.php?id=2357617</a></p> <p><a href="https://www.tvsarawak.my/2024/10/29/parlimen-penyertaan-wanita-sebagai-ahli-lembaga-pengarah-langkau-sasaran/">https://www.tvsarawak.my/2024/10/29/parlimen-penyertaan-wanita-sebagai-ahli-lembaga-pengarah-langkau-sasaran/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2357535">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2357535</a></p> <p><a href="https://thesun.my/malaysia-news/malaysia-sees-significant-increase-in-female-board-representation-nancy-JB13210018#google_vignette">https://thesun.my/malaysia-news/malaysia-sees-significant-increase-in-female-board-representation-nancy-JB13210018#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.thestartv.com/v/m-sia-sees-significant-increase-in-female-board-representation">https://www.thestartv.com/v/m-sia-sees-significant-increase-in-female-board-representation</a></p> <p><a href="https://www.msn.com/en-my/news/videos/m-sia-sees-significant-increase-in-female-board-representation/vi-AA1t7rpY">https://www.msn.com/en-my/news/videos/m-sia-sees-significant-increase-in-female-board-representation/vi-AA1t7rpY</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=YTaoxzNcDgU">https://www.youtube.com/watch?v=YTaoxzNcDgU</a></p> <p><a href="https://selangorjournal.my/2024/10/malaysia-sees-significant-increase-in-female-board-representation-minister/">https://selangorjournal.my/2024/10/malaysia-sees-significant-increase-in-female-board-representation-minister/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Bernama</p> <p>TV Sarawak</p> <p>Bernama</p> <p>The Sun</p> <p>The Star</p> <p>MSN</p> <p>The Star</p> <p>Selangor Journal</p>	Neutral

2.	<p><b>Media Digesa Patuhi Akta 611 Dalam Pelaporan Libat Kanak-Kanak</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/693786/berita/nasional/media-digesa-patuhi-akta-611-dalam-pelaporan-libat-kanak-kanak">https://www.sinarharian.com.my/article/693786/berita/nasional/media-digesa-patuhi-akta-611-dalam-pelaporan-libat-kanak-kanak</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2357650">https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2357650</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Bernamea</p>	Neutral
3.	<p><b>Kanak-Kanak GISBH Ikuti Program Pemulihan Sentiasa Dipantau – Exco</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1149603/kanak-kanak-gisbh-ikuti-program-pemulihan-sentiasa-dipantau-exco">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1149603/kanak-kanak-gisbh-ikuti-program-pemulihan-sentiasa-dipantau-exco</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1317573/kes-gisbh-424-kanak-kanak-jalani-pemulihan-dinilai-dari-semasa-ke">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1317573/kes-gisbh-424-kanak-kanak-jalani-pemulihan-dinilai-dari-semasa-ke</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gisb-424-kanak-kanak-ikuti-program-pemulihan-dinilai-dari-semasa-ke-semasa-494026">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gisb-424-kanak-kanak-ikuti-program-pemulihan-dinilai-dari-semasa-ke-semasa-494026</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/693827/berita/semasa/gisbh-424-kanak-kanak-ikuti-program-pemulihan-dinilai-dari-semasa-ke-semasa">https://www.sinarharian.com.my/article/693827/berita/semasa/gisbh-424-kanak-kanak-ikuti-program-pemulihan-dinilai-dari-semasa-ke-semasa</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
4.	<p><b>Disyaki Buang Bayi, Lelaki 44 Tahun Dan Remaja Bawah Umur Ditahan</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/29/disyaki-buang-bayi-lelaki-44-tahun-dan-remaja-bawah-umur-ditahan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/29/disyaki-buang-bayi-lelaki-44-tahun-dan-remaja-bawah-umur-ditahan</a></p> <p><a href="https://www.tvsarawak.my/2024/10/29/bayi-lelaki-bertali-pusat-ditemui-dalam-kontena-ikan/">https://www.tvsarawak.my/2024/10/29/bayi-lelaki-bertali-pusat-ditemui-dalam-kontena-ikan/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2357810">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2357810</a></p> <p><a href="https://majoriti.com.my/relaks/2024/10/29/bayi-masih-hidup-ditemui-dalam-tong-sampah-polis-sibu-tahan-2-individu-termasuk-gadis-usia-14-tahun">https://majoriti.com.my/relaks/2024/10/29/bayi-masih-hidup-ditemui-dalam-tong-sampah-polis-sibu-tahan-2-individu-termasuk-gadis-usia-14-tahun</a></p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>TV Sarawak</p> <p>Bernamea</p> <p>Majoriti</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.iloveborneo.my/bayi-baru-lahir-ditemui-dalam-besen-sampah-di-jalan-tong-sang-sibu/">https://www.iloveborneo.my/bayi-baru-lahir-ditemui-dalam-besen-sampah-di-jalan-tong-sang-sibu/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/693830/berita/semasa/jumpa-bayi-dalam-besen-sampah-lelaki-remaja-bawah-umur-ditahan">https://www.sinarharian.com.my/article/693830/berita/semasa/jumpa-bayi-dalam-besen-sampah-lelaki-remaja-bawah-umur-ditahan</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/29/bayi-dalam-besen-sampah-2-suspek-termasuk-remaja-14-tahun-ditahan/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/29/bayi-dalam-besen-sampah-2-suspek-termasuk-remaja-14-tahun-ditahan/</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/29/bayi-lelaki-ditemui-di-tempat-pembuangan-sampah-di-sibu">https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/29/bayi-lelaki-ditemui-di-tempat-pembuangan-sampah-di-sibu</a></p> <p><a href="https://suarasarawak.my/bayi-ditemui-di-dalam-tong-sampahh/#google_vignette">https://suarasarawak.my/bayi-ditemui-di-dalam-tong-sampahh/#google_vignette</a></p>	<p>I Love Borneo</p> <p>Sinar Harian</p> <p>FMT</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Suara Sarawak</p>	
5.	<p><b>5 Beradik Malang Dapat Perhatian Kerajaan Negeri</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1149497/5-beradik-malang-dapat-perhatian-kerajaan-negeri#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1149497/5-beradik-malang-dapat-perhatian-kerajaan-negeri#google_vignette</a></p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
6.	<p><b>Ibu Tergamak Buang Lima Anak Lepas Kahwin Lain, Nenek Pula Terpaksa Tanggung Cucu</b></p> <p><a href="https://www.malaysiadateline.com/ibu-tergamak-buang-lima-anak-lepas-kahwin-lain-nenek-pula-terpaksa-tanggung-cucu/#google_vignette">https://www.malaysiadateline.com/ibu-tergamak-buang-lima-anak-lepas-kahwin-lain-nenek-pula-terpaksa-tanggung-cucu/#google_vignette</a></p>	<p>Malaysia Date Line</p>	Neutral
7.	<p><b>Kanak-kanak Hilang Ditemui</b></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=jHhHfqELalk">https://www.youtube.com/watch?v=jHhHfqELalk</a></p>	<p>Malaysia Gazette TV</p>	Neutral
8.	<p><b>Nur Auliya Perlu RM60,000 Untuk Pembedahan Jantung</b></p> <p><a href="https://malysiagazette.com/2024/10/29/nur-auliya-perlu-rm60000-untuk-pembedahan-jantung/">https://malysiagazette.com/2024/10/29/nur-auliya-perlu-rm60000-untuk-pembedahan-jantung/</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p>	Neutral

<p><b>9.</b></p>	<p><b>Mayat Wanita Ditemui Di Pantai Tanjung Bidara</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1149467/mayat-wanita-ditemui-di-pantai-tanjung-bidara">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1149467/mayat-wanita-ditemui-di-pantai-tanjung-bidara</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-wanita-dipercayai-lemas-ditemukan-di-pantai-tanjung-bidara-493947">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-wanita-dipercayai-lemas-ditemukan-di-pantai-tanjung-bidara-493947</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=Hop61IXYThc">https://www.youtube.com/watch?v=Hop61IXYThc</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-wanita-dipercayai-lemas-ditemui-di-pantai-tanjung-bidara/">https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-wanita-dipercayai-lemas-ditemui-di-pantai-tanjung-bidara/</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/mayat-wanita-mati-lemas-ditemukan-di-tanjung-bidara/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/10/mayat-wanita-mati-lemas-ditemukan-di-tanjung-bidara/</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/29/pengembara-solo-wanita-ditemukan-mati/">https://malaysiagazette.com/2024/10/29/pengembara-solo-wanita-ditemukan-mati/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2357536">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2357536</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Utusan</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Bernamea</p>	<p>Neutral</p>
<p><b>10.</b></p>	<p><b>Wanita Perlu Fahami Kehendak, Keupayaan Diri Sebelum Buat Pilihan</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/693817/berita/nasional/wanita-perlu-fahami-kehendak-keupayaan-diri-sebelum-buat-pilihan">https://www.sinarharian.com.my/article/693817/berita/nasional/wanita-perlu-fahami-kehendak-keupayaan-diri-sebelum-buat-pilihan</a></p>	<p>Sinar Harian</p>	<p>Neutral</p>
<p><b>11.</b></p>	<p><b>'Pegawai Bank' Perdaya Wanita Warga Emas Lebih RM300,000</b></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/pegawai-bank-perdaya-wanita-warga-emas-lebih-rm300000/">https://www.buletintv3.my/nasional/pegawai-bank-perdaya-wanita-warga-emas-lebih-rm300000/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1149617/akibat-percaya-kad-kredit-tertunggak-warga-emas-rugi-lebih-rm300000">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1149617/akibat-percaya-kad-kredit-tertunggak-warga-emas-rugi-lebih-rm300000</a></p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p>	
<p><b>12.</b></p>	<p><b>Lelaki Diserang Harimau Berharap Permohonan Dapatkan Status OKU Dipercepatkan</b></p>		

	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1149727/lelaki-diserang-harimau-berharap-permohonan-dapatkan-status-oku">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1149727/lelaki-diserang-harimau-berharap-permohonan-dapatkan-status-oku</a>  <a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1317622/orang-asli-diserang-harimau-harap-dapat-status-oku">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1317622/orang-asli-diserang-harimau-harap-dapat-status-oku</a>	Harian Metro  Berita Harian	
13.	<b>Tidak Ramai Yang Ambil Perhatian Berkaitan Laluan 'Tactile' Untuk OKU</b>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1149514/tidak-ramai-yang-ambil-perhatian-berkaitan-laluan-tactile-untuk-oku">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1149514/tidak-ramai-yang-ambil-perhatian-berkaitan-laluan-tactile-untuk-oku</a>	Harian Metro	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## PENYERTAAN WANITA SEBAGAI AHLI LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT MENINGKAT KETARA – NANCY



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menjawab soalan lisan di Dewan Rakyat, hari ini.- Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Penyertaan wanita sebagai ahli lembaga pengarah di 100 syarikat teratas yang tersenarai di Bursa Malaysia dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) menunjukkan peningkatan ketara dengan mencapai 32.2 peratus setakat 10 Oktober lalu, berbanding 25.5 peratus pada 2021.



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata peratusan penyertaan wanita sebagai ahli lembaga pengarah bagi syarikat lain turut meningkat daripada 16.9 peratus pada 2021 kepada 25.4 peratus pada tahun lalu.

Beliau berkata, pencapaian itu antaranya berikutan Suruhanjaya Sekuriti menambah baik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) 2021 dengan memasukkan kenyataan menggalakkan syarikat awam tersenarai untuk memastikan ahli lembaga pengarah terdiri daripada sekurang-kurangnya 30 peratus pengarah wanita.

"Lonjakan pencapaian ini melangkaui sasaran kerajaan di dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) iaitu 30 peratus wanita sebagai lembaga pengarah menjelang 2025," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Madius Tangau (PH-Tuaran) mengenai langkah bagi memastikan dasar 30 peratus wanita dalam keahlian lembaga pengarah khususnya dalam GLC di negara ini dilaksanakan.

Mengenai pembabitan wanita dalam politik, Nancy berkata perkara itu masih menjadi cabaran dan ia dapat dilihat menerusi perwakilan di Parlimen.

Dalam hal itu, beliau berkata Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menganjurkan Program Perantisan Kepimpinan Wanita 2024 yang bertujuan meningkatkan pembabitan wanita dalam pelbagai kerjaya seperti bidang ekonomi dan politik.

"Ini adalah usaha untuk memperluas pembabitan wanita dalam semua aktiviti di negara ini dan program ini sudah dianjurkan, cuma ia akan dirasmikan sebelum penghujung tahun ini," katanya.

## **MEDIA DIGESA PATUHI AKTA 611 DALAM PELAPORAN LIBAT KANAK-KANAK**



Dr Farah Nini menyampaikan ceramah berkenaan Melindungi Hak Kanak-kanak Untuk Pengamal Media di Malaysian Press Institute (MPI), pada Selasa. Foto Bernama

CYBERJAYA - Media digesa mematuhi Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dalam semua pelaporan dan penerbitan yang melibatkan kanak-kanak, kata Pesuruhjaya Kanak-Kanak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam), Dr Farah Nini Dusuki.

Beliau berkata, menerusi Seksyen 15 Akta 611, laporan media melibatkan kanak-kanak tidak boleh mendedahkan antaranya gambar, alamat, institusi pendidikan atau butiran yang dikira boleh membawa pengenalan mereka.

Dr Farah Nini berkata, penalti terhadap pelanggaran Seksyen 15 (1) dan 15 (2) Akta 611 ialah denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kepada kedua-duanya.

"Pematuhan (media) amat rendah. Malah, bila saya google (ada) banyaklah contoh-contoh (pelaporan sensasi libat kanak-kanak).

"Kenapa anda nak gunakan perkataan seperti itu? (dalam laporan). Saya tahu ia untuk tingkatan sensasi, tapi perlukah (ayat sensasi)," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah bertajuk 'melindungi hak kanak-kanak' untuk pengamal media anjuran Malaysia Malaysian Press Institute (MPI) di sini pada Selasa.

Turut hadir Presiden MPI, Datuk Yong Soo Heong dan Ketua Pegawai Eksekutif MPI, Ainol Amriz Ismail.

Sementara itu, Soo Heong dalam ucapannya berkata, media perlu bertanggungjawab dan beretika ketika membuat pelaporan, supaya laporan diterbitkan tidak menjejaskan masa depan kanak-kanak.

"Jangan sangat ghairah mengejar byline stigma kekal bersama keluarga dan kanak-kanak selamanya... ia perlu anda ambil kira," katanya. – Bernama

## **DISYAKI BUANG BAYI, LELAKI 44 TAHUN DAN REMAJA BAWAH UMUR DITAHAN**

SIBU: Seorang bayi lelaki yang masih bertali pusat ditemui di dalam bekas penyimpanan ikan di kawasan pembuangan sampah di tepi Jalan Tong Sang di sini, hari ini.

Kejadian berlaku sekitar jam 9 pagi apabila orang ramai berkumpul melihat bayi tersebut tertiarap dalam keadaan lemah.

Seorang saksi bersama rakannya segera membawa bayi itu ke sebuah pusat perubatan swasta berhampiran.

Difahamkan, bayi itu masih bernyawa semasa ditemui dan bayi tersebut dirujuk ke Hospital Sibu untuk menerima rawatan lanjut.

Bayi tersebut kini ditempatkan di Wad Kecemasan Bayi Baharu Lahir (NICU) Hospital Sibu di bawah pemantauan rapi pegawai perubatan.

Menurut sumber, bayi lelaki berkulit putih itu dianggarkan seberat 1.43 kilogram dan memerlukan alat bantuan pernafasan.



Pemeriksaan menunjukkan bayi itu tidak mengalami kecacatan fizikal dan dipercayai lahir secara normal berdasarkan keadaan tali pusat dan uri yang masih ada.

Pihak polis sedang menjalankan siasatan bagi mengenal pasti individu yang terlibat dalam kes pembuangan bayi itu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkipli Suhaili ketika dihubungi mengesahkan satu laporan telah diterima mengenai kes tersebut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menyembunyikan kelahiran dengan niat membuang bayi yang boleh dihukum penjara tidak lebih tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali," tambahnya.

## **5 BERADIK MALANG DAPAT PERHATIAN KERAJAAN NEGERI**

Johor Bahru: Lima beradik yang hidup dalam keadaan serba kekurangan di kediaman nenek mereka selepas ditinggalkan ibu kandung menerima perhatian kerajaan negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor Khairin-Nisa Ismail @ Md On berkata, pihaknya bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menziarahi keluarga di Taman Selesa Jaya di Skudai di sini hari ini.

Beliau berkata, lawatan berkenaan bertujuan memeriahkan sambutan Deepavali kanak-kanak itu yang di bawah jagaan nenek kandung.

"Saya berpendapat penjaga kanak-kanak boleh bekerja untuk meneruskan kehidupan.

"Bantuan kanak-kanak JKM ditambah dari RM 500 ke RM 700 mulai November ini.

"Saya dan JKM memberi sumbangan bakul makanan asas sebagai persiapan menyambut pesta cahaya," katanya.

Khairin Nisa berkata, kanak-kanak perempuan orang kurang upaya (OKU) berusia tujuh tahun yang mengalami kecederaan akibat tersimbah minyak panas akan dibantu.

"Kanak-kanak itu akan dibantu untuk mendapatkan rawatan pembedahan plastik di bahagian betis, peha dan jari kaki.

"Manakala Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar atau OKU terlantar sebanyak RM500 sebulan akan diluluskan selepas mendapat pengesahan penyakit kronik yang dialami oleh seorang lagi cucu lelakinya yang mengidapi penyakit buah pinggang.

"Kanak-kanak lelaki itu kini berusia tiga tahun," katanya ketika mengunjungi keluarga berkenaan di sini, hari ini.

Sementara itu, nenek kandung kanak-kanak berkenaan yang dikenali sebagai Kath, 44, berkata keluarganya bersyukur dengan keprihatinan kerajaan negeri bagi mengubah nasib cucunya.

"Masa depan cucu menjadi kebimbangan saya terutama cucu perempuan OKU selain cucu lelaki yang mengalami masalah buah pinggang.

"Buat masa ini dia mendapatkan rawatan di bahagian pesakit luar Hospital Sultanah Aminah (HSA) selain mendapatkan perubatan tradisional.

"Saya berharap kedua-dua cucu saya sembuh dan dapat menjalani kehidupan lebih baik," katanya.

Kath berkata, dia juga bersyukur dengan bantuan dan sumbangan diterima sempena Deepavali.

"Deepavali kali ini adalah yang paling bermakna bagi kami," katanya.

Semalam, akhbar ini mendedahkan perbuatan tidak bertanggungjawab seorang wanita berusia 30-an sanggup meninggalkan lima anak berusia tiga hingga 10 tahun kepada ibunya untuk berkahwin baharu.

Salah seorang daripada kanak-kanak itu adalah OKU fizikal.

Tambahan pula ibu bapa wanita itu adalah golongan berpendapatan rendah yang juga bekas pengawal keselamatan dan penjual tisu, manakala bapa kandung kanak-kanak berkenaan juga difahamkan tidak bekerja dan tidak menyalurkan sebarang bantuan.

## **NUR AULIYA PERLU RM60,000 UNTUK PEMBEDAHAN JANTUNG**



untuk pembedahan jantung.

Nur Auliya Adra Farisya Fahmi perlu RM60,000

**BUKIT MERTA JAM** – Bayi perempuan berusia sebulan memerlukan sumbangan RM60,000 daripada orang ramai bagi menjalani pembedahan segera akibat masalah kecacatan jantung kongenital.

Pengerusi badan amal, One Hope Charity & Welfare, Datuk Chua Sui Hau berkata, Nur Auliya Adra Farisya Fahmi yang berasal dari Pendang, Kedah itu hanya sempat

pulang ke rumah selama 10 hari selepas lahir sebelum ditahan semula di hospital hingga kini kerana menjadi lesu serta enggan minum susu.

Katanya, ujian awal doktor selepas dia diintubasi mendapati berlaku penurunan oksigen dalam darah secara tiba-tiba sebelum disyaki mengalami jangkitan kuman di paru-paru.

“Bagaimanapun, pemeriksaan terperinci oleh pihak hospital mendapati bayi itu mengalami kecacatan jantung sekali gus terpaksa menerima rawatan di unit rawatan rapi kerana perlu bergantung kepada bantuan oksigen.

“Doktor mengesahkan dia mengalami masalah ‘severe coarctation of the aorta’ (CoA), ‘isthmus’ dan ‘distal arch hypoplasia’ yang mengakibatkan aliran darah tersumbat dan tekanan darah tidak normal.

Ibu bapa bayi berkenaan tidak mampu menanggung kos pembedahan tersebut.

“Justeru, bayi itu perlu menjalani pembedahan secepat mungkin untuk mengelakkan kegagalan jantung atau jangkitan kuman yang akan mengancam nyawanya,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Tambah beliau, bapa kepada bayi tersebut, Fahmi Ahmad Zainol Abidin, 38, merupakan penjawat awam manakala isterinya, Siti Aishah Hashim, 35, suri rumah menyebabkan mereka tidak mampu menampung kos pembedahan terbabit.

“Pasangan itu juga mempunyai dua lagi anak perempuan berusia enam dan sembilan tahun, justeru kita akan membantu mengumpul dana RM60,000 bagi merealisasikan pembedahan tersebut.

“Orang ramai yang berhasrat menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian menerusi akaun Public Bank Berhad atas nama One Hope Charity & Welfare bernombor-3193433435 atau layari [www.onehopecharity.org](http://www.onehopecharity.org),” katanya.

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan, sila hubungi talian hotline, 04 539 9212, 016 419 2192, 019 232 2192, 018 911 4192. – MalaysiaGazette

## **MAYAT WANITA DITEMUI DI PANTAI TANJUNG BIDARA**

Alor Gajah: Mayat wanita ditemui tertiarap di pantai Tanjung Bidara, Masjid Tanah, di sini, hari ini.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah Superintendan Ashari Abu Samah berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung penemuan mayat itu pada 7.25 pagi dan sepasukan pegawai dan anggota kemudian ke lokasi bagi melakukan siasatan lanjut.

Menurutnya, mangsa, 40, dan beralamat di Kampung Londang, dipercayai lemas di tempat kejadian yang berhampiran chalet.

"Hasil semakan di chalet berkenaan, didapati mangsa mendaftar masuk Ahad lalu untuk menginap seorang diri di situ.

"Menerusi soal tanya dengan ahli keluarganya, polis diberitahu mangsa sering mengembara seorang diri.

"Selain itu, hasil pemeriksaan pada tubuh mangsa tidak menemui sebarang unsur jenayah selain tiada barang peribadi mangsa hilang," katanya kepada media, di sini, hari ini.

Menurutnya, hasil siasatan polis menemui selipar, baju panas dan kunci chalet milik mangsa di atas tambak batu pantai.

"Kes diklasifikasikan sebagai kematian mengejut dan mayat dibawa ke Unit Forensik Hospital Alor Gajah untuk dibedah siasat bagi mengetahui punca kematian," katanya.

### **LELAKI DISERANG HARIMAU BERHARAP PERMOHONAN DAPATKAN STATUS OKU DIPERCEPATKAN**



Adin menunjukkan mata kirinya yang tidak boleh melihat kerana serangan Pak Belang lebih tiga tahun lalu. FOTO Paya Linda Yahya

Gua Musang: Lelaki Orang Asli yang diserang harimau belang dalam Kejadian lebih tiga tahun lalu berharap permohonannya mendapatkan status Orang Orang Kelainan Upaya (OKU) dapat dipercepatkan.

Dalam kejadian yang berlaku pada 5 Julai 2021 itu, Adin Andok, 51, parah di kepala, perut, mata kiri, bahu dan lengan kiri dicakar harimau belang di kebunnya di Kampung Badak, Pos Bihai.

Menurut Adin, susulan kejadian serangan haiwan liar itu dia kini mengalami cacat kekal mata sebelah kiri sehingga tidak dapat melakukan kerja berat.

Katanya, kini dia hanya membantu ahli keluarga bercucuk tanam berhampiran rumah kerana sudah tidak berani untuk ke hutan mencari rezeki bagi menyara keluarga.

"Sekurang-kurangnya apabila permohonan ini diluluskan dapatlah saya menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) secara bulanan untuk menyara diri dan keluarga.

"Nak harapkan anak, mereka juga mempunyai keluarga sendiri untuk diberi makan," katanya ketika ditemui di Pos Bihai.

Adin berkata permohonan sudah dibuat dengan bantuan Dewan Undangan Negeri (Adun) Galas, Mohd Syahbuddin Hashim yang datang ke Pos Bihai dan bertemu dengannya.

Katanya, dia berharap permohonannya untuk mendapatkan kad OKU dapat diluluskan dengan segera bagi membolehkannya mendapat bantuan daripada JKM.

Pada 5 Julai lalu kira-kira 3 petang, Adin parah dicakar harimau belang ketika berada di kebun ubi kayunya di Kampung Badak, Pos Bihai, di sini.

Adin terselamat apabila dia menggunakan parang yang dipegangnya sehingga menyebabkan haiwan liar itu tercedera dan melepaskannya.